

Trak yang membawa barang-barang bantuan Mercy melalui sempadan Rafah.



Mercy terus huluskan bantuan

DR Jamilah dan rakan-rakan yang lain telah berada di Rafah selama 3 hari iaitu dari 3 Januari hingga 5 Januari untuk meninjau kawasan dan mengenalpasti bentuk bantuan yang diperlukan.

Dr Jamilah kembali semula ke Rafah bersama bantuan yang diperlukan seperti kelengkapan perubatan, bekalan makanan, ubat-ubatan, selimut dan sebagainya.

Semasa di Rafah, Mercy Malaysia mendapat bantuan daripada 8000 pelajar Malaysia yang menuntun di Mesir dan

sebahagian daripadanya pelajar perubatan.

Mercy telah menyediakan kelengkapan perubatan dan pembedahan sebanyak lebih RM 720,000 (AS\$200,000).

Sementara itu, Petronas telah menyumbang sebanyak RM1 juta (AS\$3000,000) kepada Mercy bagi tujuan membantu mangsa kekejaman Israel.

"Kita akan gunakan peruntukan yang kita ada semaksimum yang mungkin bagi membantu rakyat Palestin.

"Apa yang kita ada, kita akan beri dan gunakan sebaik mungkin," katanya.



Sukarelawan pelajar Malaysia membantu memasukkan barangan Mercy ke dalam trak.

Dr Jamilah meluahkan kerisauannya terhadap penduduk di Gaza kerana mereka tiada tempat berlindung dan ketiadaan air yang bersih.

"Penduduk Gaza berdepan risiko wabak kerana ketiadaan bekalan air bersih. Selain itu cuaca sejuk di sana akan memburukkan lagi keadaan," katanya.

Di Rafah, Mercy bekerjasama dengan beberapa badan sukarelawan seperti Kesatuan Perubatan Arab (AMU) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir dalam menentukan bantuan dan peralatan yang diperlukan untuk

memberikan rawatan kepada mangsa.

Pihak Mesir juga menyediakan beberapa ambulans di sempadan Rafah untuk membawa mangsa yang sedera ke hospital terdekat.

Dr Jamilah berharap kedua-dua pihak iaitu tentera Israel dan Hamas perlu menghentikan serangan kerana bantuan tidak dapat dihantar ke kawasan terjejas jika serangan terus berlaku.

Buat masa ini, setiap hari, pihak tentera Israel memberikan masa 3 jam sahaja untuk membawa masuk bekalan perubatan dan bantuan kemanusiaan kepada mangsa di Gaza.